

Terengganu pamer belang acara kanu

Padang Besar: Terengganu membuktikan kejaguan mereka dalam sukan kanu apabila mengungguli 14 emas keseluruhan - lima daripadanya pada hari terakhir di Kompleks Air Tasik Timah Tasoh, semalam.

Berikutan catatan itu, kanu jelas lubang emas Terengganu untuk dinobatkan juara keseluruhan acara berkenaan di SUKMA Perlis.

Dua rekod kebangsaan turut dilakar pendayung Terengganu dengan kelibat Nor Azita Ibrahim, Noor Azira Ibrahim, Fatin Ajeerah Wahab dan Muhammad Uweis Arqroni Rahmat pasti lebih digeruni selepas ini.

Nor Azita meraih emas dalam acara K1 dengan catatan 55.74 saat. Dia membuktikan kejaguhannya sekali lagi apabila menyumbangkan emas kedua peribadi ketika bergandingan dengan kakak, Nor Azira

menerusi acara K2 wanita dengan catatan 52.37s.

Fatimah Ngah kemudian menghadiahkan emas dalam acara TK1 wanita dengan 1 minit 07.7s, sebelum pasangan K2 lelaki, Ahmad Shafiq Moha dan Muhammad Uweis Arqroni cemerlang dengan 40.13s.

Terengganu melengkapkan kutipan lima emas menerusi gandingan Akmal Idayu Mat Razik, Fatin Ajeerah, Nor Azita dan Nor Azira dalam acara K4 wanita dengan catatan 48.63s.

"Kebanyakan atlet kami baru pertama kali menyertai SUKMA. Saya bangga mereka berjaya melepasi sasaran lapan emas ditetapkan.

"Selepas ini kami akan beri komitmen lebih padu untuk temasya akan datang," kata jurulatih Muhammad Hakimi Jamaludin.

FAKTA

Menang 14 pingat emas yang dipertandingkan

-HARIAN METRO - 28/5/2014 +